

27/10/2001

PM hadir majlis rai atlit

Hussain Said

ATLIT negara yang memenangi pingat emas Sukan Sea XXI bulan lalu akan menerima hadiah kemenangan masing-masing dalam majlis yang dihadiri tetamu kehormat, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Mutiara, Jumaat depan.

Keputusan Majlis Sukan Negara (MSN) memilih tarikh itu disifatkan bertepatan, apatah lagi, sempena kehadiran Deepavali pada 14 November manakala atlit beragama Islam boleh menggunakan habuan itu bagi menyambut kehadiran Aidilfitri Disember nanti.

Pegawai Majlis Sukan Negara (MSN), Nordin Mohd Yassin berkata, pihaknya sudah menghantar surat jemputan kepada semua atlit bagi menghadiri majlis bagi meraikan kejayaan gemilang kontinjen negara.

"Majlis itu bukan setakat untuk pemenang emas tetapi kita turut menjemput semua atlit yang mewakili negara hadir, sekali gus memeriahkan majlis yang diadakan sempena kejayaan gemilang dan bersejarah kontinjen negara pada temasya serantau itu.

"Bagi kita semua atlit membantu bagi mencapai kejayaan gemilang itu dan kita harap semua dapat melapangkan masa menghadirinya, lebih-lebih lagi, Perdana Menteri turut sudi menjadi tetamu kehormat," katanya semalam.

Menurut Nordin, MSN mengeluarkan peruntukan sebanyak RM775,484 daripada Skim Hadiah Kemenangan Sukan (Shakam) bukan saja diberikan kepada pemenang emas tetapi juga kepada jurulatih dan persatuan sukan kebangsaan.

"Gimnas yang memenangi empat emas, Goh Yi Wei mengetuai senarai penerima terbesar apabila mendapat habuan sebanyak RM16,666, Oh Poh Soon (wushu) dan Leong Mun Yee (terjun), masing-masing menerima RM15,000," katanya.

Pada temasya dwitahun yang berakhir 17 September lalu, kontinjen negara pimpinan Ketua Pengarah MSN, Datuk Wira Mazlan Ahmad muncul juara keseluruhan buat julung kali apabila menghimpun 111 emas, 75 perak dan 85 gangsa.

(END)